

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI,
50590 KUALA LUMPUR

Bil.(72) dlm. KKM-87(151/2)

Tarikh: 20 hb. Januari, 1988

Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri

.....

Pengarah Perkhidmatan Perubatan
Negeri Sabah/Sarawak.

Pengarah Yayasan

.....

Pengarah
Hospital Besar
Kuala Lumpur.

Dato'/Tuan/Puan,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 5/1988
Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan di Hospital-hospital

I. Tujuan

Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memperkemas organisasi perkhidmatan kemalangan dan kecemasan di hospital-hospital agar perkhidmatan tersebut dapat disampaikan dengan lebih baik lagi. "

II. Latarbelakang

Pada masa ini organisasi perkhidmatan kemalangan dan kecemasan di hospital-hospital berbeza-beza. Dikebanyakan hospital perkhidmatan ini diberi di casualty yang berfungsi sebagai sebahagian dari Jabatan Pesakit Luar. Sementara disebilangan kecil hospital-hospital besar perkhidmatan kemalangan dan kecemasan diberi disatu jabatan yang dipanggil Jabatan Kemalangan dan Kecemasan yang berfungsi sebagai satu jabatan yang bersendirian.

2. Dimana ada Jabatan Kemalangan dan Kecemasan yang bersendirian biasanya Jabatan tersebut diketuai oleh satu ketua yang terdiri dari seorang pakar. Sementara di hospital-hospital dimana perkhidmatan kemalangan dan kecemasan diberi di casualty penyeliaan keatas perkhidmatan tersebut berbeza-beza. Ada yang ditempatkan dibawah penyeliaan Pegawai Perubatan yang menjaga Hospital dan ada pula yang ditempatkan dibawah jagaan Pegawai Perubatan yang menjaga Jabatan Pesakit Luar. Seringkali penyeliaan keatas perkhidmatan kemalangan dan kecemasan di casualty adalah secara administrative sahaja dan oleh yang demikian pengawasan keatas kerja-kerja teknikal kurang memuaskan.

III. Organisasi Dan Pengurusan Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan

Mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini peraturan-peraturan yang berikut hendaklah dilaksanakan dan dipatuhi.


- a) Di hospital-hospital dimana beban kerja perkhidmatan kemalangan dan kecemasan adalah berat, Jabatan Kemalangan dan Kecemasan hendaklah ditubuhkan. Jabatan ini hendaklah diketuai oleh seorang pakar atau seorang Pegawai Perubatan yang kanan dan yang berpengalaman dalam bidang kemalangan dan kecemasan. Pakar-pakar bolehlah dilantik secara bergilir-gilir bagi tempoh tidak kurang dari satu tahun bagi tiap-tiap giliran.
- b) Di hospital-hospital dimana beban kerja perkhidmatan kemalangan dan kecemasan adalah tidak berat, maka casualty hendaklah diletak dibawah jagaan pegawai yang menjaga Jabatan Pesakit Luar.
- c) Ketua Jabatan Kemalangan dan Kecemasan atau pegawai yang menjaga Jabatan Pesakit Luar adalah bertanggungjawab mengawas kerja-kerja di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan atau Casualty dari segi pentadbiran dan teknikal. Mereka hendaklah menentukan bahawa Jabatan Kemalangan dan Kecemasan/Casualty mempunyai kakitangan, alat-alat dan bekalan yang cukup, mengatur kerja-kerja dan seterusnya menentukan bahawa pesakit-pesakit yang datang diberi layanan yang sewajarnya.

Semua pertanyaan mengenai pelaksanaan Surat Pekeliling ini
hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur

(U.P: Pengarah Perkhidmatan Perubatan)

Saya yang menurut perintah.


(~~TAN SRI DATUK~~ ~~ABDUL~~ ABDUL KHALID BIN SAHAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.